

KPT lancar Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2026-2030

• Oleh Berita Harian - 15 Mei, 2026 @ 11:14pm



Dr Zambray (tengah) bersama pemenang kategori Universiti Terbaik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada Majlis Anugerah Keusahawanan KPT 2025 di Kuala Lumpur, malam tadi. - Foto NSTP/Eizairi Shamsudin

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyasarkan lebih banyak syarikat pemula mahasiswa berkembang ke peringkat global menerusi Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi (PTK-IPT) 2026-2030 yang dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambray Abd Kadir. Pelan ini turut memberi fokus kepada pengkomersialan hasil penyelidikan universiti serta pengukuhan kerjasama strategik antara universiti, industri dan pelabur. KPT juga menekankan pembangunan keusahawanan yang inklusif melibatkan pelajar TVET, politeknik, kolej komuniti, universiti awam dan swasta.

Bertemakan “Melonjak Keusahawanan, Memacu Inovasi, Melestari Masa Hadapan”, PTK-IPT 2026-2030 bertujuan membentuk ekosistem keusahawanan IPT yang mampan dan berimpak tinggi bagi melahirkan usahawan bertaraf global. Pada majlis sama, Anugerah Keusahawanan KPT 2025 turut mengiktiraf kecemerlangan institusi dan individu dalam bidang keusahawanan, dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia muncul sebagai pemenang kategori universiti, manakala Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dan Kolej Komuniti Sungai Petani memenangi kategori masing-masing.